

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

**USUL UNTUK KERAJAAN PERSEKUTUAN MENDEFINISIKAN MARITAL RAPE
(ROGOL DALAM PERKAHWINAN) DAN MENADIKANNYA SEBAGAI SATU
JENAYAH BERBANDING DALAM SEKSYEN 375 KANUN KESEKSAAN
OLEH NUR FADZLIN AMALINA BINTI ROSDAN**

Saya mendesak Kerajaan Persekutuan untuk mendefinisikan '*marital rape*' (rogol dalam perkahwinan) sebagai satu jenayah dan bukan hanya tertakluk dalam Seksyen 375 Kanun Keseksaan sahaja. '*Marital rape*' bukanlah satu isu yang harus dipandang enteng oleh Kerajaan Persekutuan walaupun kadar sabitan diatas jenayah ini untuk Malaysia tiada tetapi isu ini tidak harus dipandang sepi sekiranya kerajaan berhasrat untuk menaikkan taraf wanita.

'*Marital rape*' atau dalam bahasa Melayu ialah rogol dalam perkahwinan merupakan satu isu yang sangat kontroversial untuk dibincangkan. Di samping itu, istilah '*marital rape*' ini baru sahaja dan istilah ini diguna pakai oleh negara Barat yang lebih dikenali sebagai *Spousal Rape*.

Kajian yang dilakukan oleh Susilas dalam kajian '*Marital Rape*' dalam Perspektif Islam pada tahun 2013 menyatakan bahawa perspektif Islam sukar menggambarkan mengenai '*marital rape*' kerana suami mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan melayani isteri dengan baik. Selain itu, kebanyakan ulama pula menyatakan bahawa ianya bukan rogol kerana ianya bertentangan dengan istilah rogol. Namun begitu, istilah rogol merujuk kepada apabila seseorang dipaksa untuk melakukan hubungan seks. Adakah suami memaksa isteri melakukan hubungan seks dengannya masih tidak dianggap sebagai rogol?

Jawapannya boleh didapati daripada petikan kata-kata Sir Matthew Hale pada taun 1600-an dalam buku *The British Criminal Law*:

“The husband cannot be guilty of a rape committed by himself upon his lawful wife, for by their mutual matrimonial consent and contract, the wife hath given herself in kind unto the husband, whom she cannot retract.”

Pernyataan Sir Matthew Hale ini mewujudkan tanggapan bahawa wanita yang telah berkahwin tidak mempunyai hak untuk menolak untuk melakukan hubungan seks dengan suaminya. Permulaan abad ke-19 barulah aktivis daripada pergerakan wanita timbul untuk mencabar hak lelaki yang melakukan seks secara paksa terhadap isterinya. Elizabeth Cady Stanton dan Lucy Stone merupakan antara tokoh yang mengenengahkan hak wanita untuk mengawal hubungan seks sebagai salah satu elemen dalam persamaan hak antara lelaki dan perempuan.

Menurut *Women's Centre for Change* (WCC) Pulau Pinang di Malaysia, '*marital rape*' atau rogol dalam perkahwinan tidak diiktiraf dalam Kanun Keseksaan melainkan sekiranya suami dan isteri tersebut dipisahkan atau dipisahkan secara kehakiman atau jika terdapat injuksi yang menghalang suami daripada melakukan hubungan seks dengan isterinya iaitu selari dengan Undang-undang Negara Commonwealth. Selain itu, Akta Keganasan Rumah Tangga turut tidak mencukupi kerana hanya memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah perlindungan (protection order) dan tidak bersifat menghukum pesalah. Ini bermaksud suami yang melakukan kesalahan rogol tidak menerima hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Persetubuhan yang dilakukan suami kepada isteri tanpa kerelaan isteri masih tidak dianggap sebagai rogol. Anggapan bahawa seseorang isteri tidak mempunyai hak terhadap tubuh badannya adalah melanggar hak asasi wanita tersebut dan maruahnya.

Walaupun Kerajaan Persekutuan tidak mendefinisikan '*marital rape*' atau rogol dalam perkahwinan tetapi dalam Seksyen 375A Kanun Keseksaan ada menyatakan bahawa suami yang mendatangkan kecederaan, ancaman dan menyakiti isteri untuk melakukan persetubuhan boleh dikenakan penjara selama 5 tahun.

Walaupun terdapat hukuman dalam pecahan 375 Kanun Keseksaan bagi suami yang mendatangkan ancaman terhadap isterinya untuk melakukan persetubuhan adalah sangat sempit dan tidak menggambarkan situasi yang sebenar. Sepatutnya takrifan

'marital rape' perlu dilakukan dan takrifannya perlu meluas agar magsa '*marital rape*' tidak berasa takut untuk melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

Nur Fadzlin Amalina binti Rosdan

Ahli Sidang Muda 2018

